

'Kerja sia-sia' di Dataran Merdeka

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan TERMIZI CHE ANUAR
pengarang@utusan.com.my

MELALUI Dataran Merdeka Jumaat lepas, kami tiba-tiba tertarik melihat beberapa khemah yang didirikan di hujung dataran berdekatan bangunan Dewan Bandarnya Kuala Lumpur.

Teringin menyelami rintihan pembantah-pembantah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ini, lantas menarik kami meletakkan kereta di bangunan Daya Bumi menuju ke sana.

Tidak ramal kalangan para pembantah ini. Cuma kira-kira 20 orang. Tambah memerhatikan kami, pelajar cuma beberapa kerat. Yang banyaknya adalah kumpulan dewasa termasuklah beberapa individu yang berusia sekitar 60 tahun - lebih layak digelar warga emas.

Apa yang dibuat mereka di sini? Meninjau-ninjau sebentar, terampakkah kelibat Adam Adli Abdul Halim, 'hero kampus' kononnya. Mukanya sembab, mata merah... tidak cukup tidur barangkali. Apabila ditajuk soalkan oleh salah seorang daripada kami tentang hasil yang mereka boleh dapat daripada pemansuhan PTPTN ini, Adam yang telah digantung pengajian dari UPSI ini enggan bersuara.

Dia seakan-akan cukup dengan kami. Dia memberi alasan 'saya nak pergi' dengan sibuk menyusun botol-botol minuman yang banyaknya telah pun terusun dengan elok dan buah khemah.

Memerhatikan sekeliling, keadaannya kotor sekali. Bekas-bekas, botol polistiren, makanan berselak, dan sebagainya. Mereka, bila waktu mandi, turut mencuci alat di bawah Dataran Merdeka.

Hampir setiap hari, mereka merasa tidak selera. Cukup dengan air.

Kelibatnya, mereka merasa kebas bergaul dengan orang lain. Seorang pelajar perempuan berkata, "Mereka menjadikan kami sebagai musuh."

Jumlah mahasiswa yang tinggal di Dataran Merdeka, kata salah seorang kaum Cina, adalah sekitar 100 orang Melayu dan 100 orang Cina. Selebihnya orang dewasa dan orang tua.

Tertanya, mengapa mereka apakata datang di sebuah khemah-khemah itu sehingga ada mahasiswa yang sanggup berpanas-panas berujung sedangkan bilangan-rakan sebangun mereka sedang bertungkus lumus menamatkan pengajian bagi menghabiskan pengajian.



PELAIJAR perempuan yang menyertai demonstrasi hapuskan PTPTN menampilkan unsur-unsur negatif di Dataran Merdeka, baru-baru ini. - UTUSAN/NOOR AFRIZA ROSLAN

Sudah tentu tidak menghairankan kebanyakan mereka di situ merupakan mahasiswa yang mendapat keputusan rendah atau gagal.

Sedang memerhatikan lagi gelagat mereka, salah seorang pelajar memperkenalkan sebagai Din dari UPSI memberitahu, mereka sendiri tidak tahu sampai bila akan beradanya di Dataran Merdeka.

"Kita akan berada di sini sampai sudah bosan. Kita dah bosan kita balik. Duduk lama-lama pun tak guna dan mememal sebab panas, lebih-lebih lagi kalau duduk di dalam khemah waktu tengah hari," katanya.

Seorang lelaki dalam usia 60-an yang katanya datang melaka memberitahu kami: "Ah, hapuskan sahaja PTPTN, duit Petronas kan ada."

Lelaki ini dalam aksinya berjubah hijau seolah-olah menjadi pengawal di situ yang turut menimbulkan tanda tanya daripada orang ramai yang lalu lalang kerana dia bukannya muda lagi.

Kami kemudian meninggalkan Dataran Merdeka menuju ke masjid berdekatan. Dan kelmarin, kami dihabiskan Dataran Merdeka

tidak ada lagi kelibat kumpulan terbabit.

Syabas diucapkan kepada pasukan penguat kuasa DBKL yang begitu tegas menanggalkan khemah-khemah pelajar dan kumpulan terbabit.

Sebenarnya, kalau daripada pengamatan mata kasar, manfaat PTPTN banyak menguntungkan pelajar Melayu. Namun jika dikaji secara berfakta, faedahnya begitu mencurahkan kepada pelajar bukan Melayu.

Ini kerana sehingga 29 Februari lalu, seramai 11,764 peminjam/penerima biaya PTPTN telah diluluskan pengecualian bayaran balik pinjaman/pembiayaan pendidikan kerana mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya. Ia melibatkan jumlah pelupusan pembiayaan pendidikan sebanyak RM339.07 juta.

Kalau dilihat rekod peminjam yang diluluskan pengecualian bayaran balik mengikut kaum setakat ini, sejumlah 2,347 orang adalah pelajar Melayu dengan amaun RM47.2 juta.

Tetapi pelajar Cina, bilangannya ialah 8,888 orang dengan amaun pengecualian bayar balik PTPTN RM274.2 juta. Inilah ha-

nya di universiti ialah ramai yang tidak dapat tamat pengajian. Mereka yang tinggal di rumah ibu bapa. Mereka yang tidak dapat tamat pengajian kerana CGPA yang baik. Mereka yang tidak dapat tamat pengajian kerana kerja yang baik dan gaji yang tinggi.

Sebenarnya, pendidikan merupakan 'kerja sia-sia' kerana pada era ini, kita sudah mempunyai teknologi untuk melakkan pekerjaan yang lebih tinggi.

Ada juga yang ada di sini atau tajaan, tetapi mereka yang khususnya orang Melayu bumiputera untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi amat tipis sekali.

Kesalahan apabila PTPTN ditubuhkan bagi memberikan pinjaman kepada semua kaum di negara ini, berduyun-duyunlah anak Malaysia tanpa mengira keturunan dapat melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Bagi Pengarah Perhubungan Antarabangsa Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMSS), Prof. Madya, Dr. Mohd. Noor Yazid, Perkara IS3 Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan bagaimana Kerajaan Pusat perlu melindungi kepentingan kedudukan keistimewaan orang Melayu dan penduduk asal Malaysia yang secara kumpulannya dinajuk sebagai bumiputera.

"Ia termasuklah kuota kemasukan ke dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan awam yang dalam hal biasiswa kepada bumiputera seperti sudah diliberalikan," tegasnya.

Belangnya, jika mahu memansuhkan PTPTN, ia bermakna setiap bumiputera perlu diberikan biasiswa sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan.

"Pada era Allahyarham (Perdana Menteri kedua) Tun Abdul Razak Hussein dulu perkara itu telah dilaksanakan dan mungkin bagi memberi keadilan saksama kepada kaum-kaum lain, PTPTN diperkenalkan bagi memberi kemudahan pinjaman pengajian di peringkat universiti. "Tapi malangnya, ada pihak cuba mempolitikkan isu ini," katanya.

Meninggalkan Dataran Merdeka Jumaat lalu, kami berkongsi pengalaman memikirkan apa sebenarnya matlamat segelintir pelajar terbabit menyuarakan bantahan terhadap PTPTN.

Kami pernah berada di universiti sekitar era 90-an. Dan ketika itu kami memang 'dahagakan' PTPTN - di sebuah kesedaran tinggi akan harapan menggantung ibu bapa yang hidupnya susah untuk melihat anaknya meraih segulung ijazah.

SIMPUR KOLEJ DIGITAL

KUALA LUMPUR